

## Tahniah Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib

📅 2 November 2023 📁 Berita Bergambar



KUALA LUMPUR 2 Nov – Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengucapkan tahniah kepada Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin diatas pelantikan selaku Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang baharu. Beliau berpengalaman luas dalam bidang akademik dan penyelidikan serta pengantarabangsaan pendidikan tinggi pernah menjawat jawatan-jawatan penting sebelum ini. Antaranya ialah Naib Canselor UTeM (2014-2019) dan Ahli Lembaga Pengarah di Governing Board of Islamic University of Technology (IUT), Bangladesh.